



## MAKLUMAN RASMI

### PENUNDAAN SEMESTER MEI 2020 KE SEMESTER JULAI 2020 BAGI PROGRAM ASASI UTM (PELAJAR TEMPATAN)

Merujuk kepada pengumuman dan keputusan lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh pihak kerajaan serta nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan situasi semasa krisis COVID-19, pihak universiti dengan ini telah memutuskan bahawa pengambilan semester Mei 2020 bagi Program Asasi UTM **DITUNDA** kepada pengambilan semester **Julai 2020**.

Oleh hal yang demikian, tarikh baharu bagi **PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU PROGRAM ASASI UTM** adalah seperti butiran berikut :

TARIKH LAMA	TARIKH BAHRU	TEMPAT
4 Jun 2020 (Khamis) yang sebelumnya 27 April 2020	8 Julai 2020 (Rabu)	<b>PENDAFTARAN SECARA ONLINE</b> <i>(Calon pelajar tidak perlu hadir ke kampus. Tatacara dan panduan pendaftaran akan dimuat naik 2 minggu sebelum tarikh pendaftaran menerusi pautan <a href="https://intake.utmspace.edu.my/login">https://intake.utmspace.edu.my/login</a>.)</i>

Justeru itu, **tarikh akhir pembayaran yuran** sebelum pendaftaran juga ditunda selewatnya **15 Jun 2020**.

Untuk makluman, semester Mei adalah semester pendek manakala semester Julai adalah semester panjang, maka implikasi pengajian dimulakan dengan semester panjang adalah melibatkan keseluruhan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran termasuk yuran semester. Segala perubahan dan maklumat terbaru akan dimuat naik di Sistem Ambilan Mahasiswa pada pautan <https://intake.utmspace.edu.my/login>.

Sebarang kemosykilan atau pertanyaan, sila emelkan kepada [ambilan.asasi@utmspace.edu.my](mailto:ambilan.asasi@utmspace.edu.my)

Harap Maklum. Terima kasih

**Bahagian Pengambilan Pelajar**  
**Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan**  
**Universiti Teknologi Malaysia**

4 Mei 2020